



قجابت سورهنجاير فرخدماتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
OFFICE OF THE PUBLIC SERVICE COMMISSION
DEPARTMENT OF THE PRIME MINISTER

BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tel. : 2381961
Faks : 2382772
Email : info@spa.gov.bn
Website : www.spa.gov.bn

Ref : SPA / BPU / 01 / 03 / 082

18 Rabiulawal 1433H
11 Februari 2012M

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN: 2 / 2012**

Kepada :
Setiausaha-Setiausaha Tetap,
Ketua-Ketua Jabatan.

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan yang mana akan diadakan pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut:-

Bil.	Tarikh dan Waktu	-	Peringkat	Mata Pelajaran
1.	Hari Sabtu 02 Jun 2012 Jam 8.30 pagi	-	Kesetiausahaan Pertama	Menaip - 40 psm Trenkask - 80 psm
2.	Hari Ahad 03 Jun 2012 Jam 8.30 pagi	-	Kesetiausahaan Kedua	Menaip - 45 psm Trenkask - 80 - 110 psm
3.	Hari Isnin 04 Jun 2012 Jam 8.30 pagi	-	Kesetiausahaan Ketiga	Menaip - 50 psm Trenkask - 110 psm

1. TEMPAT PEPERIKSAAN

Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba, Negara Brunei Darussalam.

.../2

2. SYARAT-SYARAT UTAMA

- (i) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Penolong Kerani Sulit dalam tanggungaji D.3 EB.4-5 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**
- (ii) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Kedua** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Kerani Sulit dalam tanggungaji C.1-2 EB.3 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**
- (iii) Pegawai yang layak menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Ketiga** adalah terdiri dari pegawai yang menyandang jawatan sebagai **Setiausaha Sulit dalam tanggungaji-tanggungaji BW.1 dan BW.2 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.**
- (iv) Pemohon yang hendak mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut di atas hendaklah terdiri daripada:-
 - a) pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di dalam Skim Perkhidmatan Kesetiausahaan Negara Brunei Darussalam;
 - b) rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

3. BORANG PERMOHONAN

- (i) Borang permohonan boleh diperolehi di Tingkat 2, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Bahagian Peperiksaan dan Ujian) atau dengan memuat turun melalui laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

- (ii) Borang permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan dihadapkan melalui **SETIAUSAHA TETAP / KETUA JABATAN MASING-MASING**, tidak lewat daripada **HARI KHAMIS, 13 JAMADILAWAL 1433 BERSAMAAN 05 APRIL 2012.**

4. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah ditujukan kepada Pegawai bertugas di alamat berikut:

Bahagian Peperiksaan dan Ujian
Tingkat 2, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Tel No: **2381961** sambungan **562, 568, dan 565**

Emel : bpu@spa.gov.bn

"Cintai Keluarga Dan Lindungi Mereka"

Dengan hormat,



(AWANG SALMINAN BIN HAJI BURUT)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam